

NO. SOALAN : 329

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL  
[ KANGAR ]**

**SOALAN :**

**YB. Ir. Shaharuddin Bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah terdapat bantuan tambahan bagi membaik pulih semula taman-taman awam di Perlis seperti Taman Ular, Taman Burung dan kawasan perkelahan air terjun di Taman Negeri Perlis yang tidak diselenggarakan dengan baik dan apakah bentuk promosi serta aktiviti-aktiviti yang lebih memberi kesan bagi memperkenalkan aset-aset pelancongan ini khususnya bagi negeri Perlis.

68

**JAWAPAN :**     **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bertanggungjawab dalam melaksanakan pembangunan projek yang telah diluluskan oleh pihak Unit Pembangunan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan membuat pemantauan sehingga pelaksanaan projek siap. Penyelenggaraan berkala adalah dibawah tanggungjawab pemilik projek iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi Kerajaan Negeri bagi memastikan kemudahan pelancongan sentiasa terpelihara.

Kementerian juga telah memperuntukkan sebanyak RM3.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) bagi projek Menaiktaraf Taman Ular/Gazebo Sungai Batu Pahat, Perlis dan RM2.57 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) bagi menaiktaraf dan membaik pulih produk pelancongan di Negeri Perlis.

Antara promosi serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui agensi Tourism Malaysia untuk mempromosikan taman-taman awam di Negeri Perlis adalah seperti yang berikut:

- (i) Melalui pelaksanaan program lawatan suai kenal atau mega *familiarization trip* dengan mempelawa wakil-wakil media dan para pengusaha pelancongan dari dalam dan luar negara untuk melawat

Negeri Perlis untuk meninjau produk pelancongan supaya publisiti yang meluas dapat ditonjolkan dan pakej-pakej pelancongan yang bersesuaian dapat dibangunkan. Ini termasuk lawatan ke Perlis bersempena dengan program Pesta Angin Timur pada 3 hingga 5 Mac 2017 dan Perlis Marathon pada 30 April 2017;

- (ii) Mempromosikan produk yang terdapat di Negeri Perlis dalam pameran pelancongan yang diadakan di seluruh negara dan di peringkat antarabangsa seperti MATTA Fair, Thai International Travel Fair (TITF) dan Internationale Tourismus Boerse (ITB) Berlin;
- (iii) Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perlis melalui UPEN Perlis bagi mempromosikan negeri tersebut melalui laman media sosial seperti Instagram, Facebook dan Pinterest Tourism of Perlis Official;
- (iv) Mengadakan sesi dialog dan bengkel bersama para penggiat industri pelancongan tempatan bagi membincangkan isu-isu berkaitan pelancongan di Perlis dan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi memastikan pakej pelancongan yang berdaya saing dapat dihasilkan;
- (v) Mempromosikan pakej pelancongan ke Perlis melalui risalah "Cuti-Cuti 1Malaysia 1001 Packages" yang turut dimuat naik ke laman web Tourism Malaysia; dan
- (vi) Menyebarkan maklumat mengenai produk pelancongan negeri kepada pelancong melalui Pejabat Wilayah Tourism Malaysia dan

70

Pusat Penerangan Pelancongan (Tourist Information Centre) di seluruh negara serta melalui laman web Tourism Malaysia.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan komited untuk terus memperkasakan usaha dan promosi bagi memastikan produk pelancongan di Negeri Perlis dapat menarik kedatangan pelancong yang berterusan.

Sekian, terima kasih.